

Anak pokok Musang King dijual RM18

Serdang: Jualan anak pokok durian Musang King, Hajah Hasmah dan Duri Hitam serendah RM18 sepokok menjadi tarikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (EPPKUPM) di Bukit Ekspo di sini, mulai Jumaat hingga 20 November ini.

Pengerusi EPPKUPM, Dr Yahya Awang berkata, hasil pertanian seperti sayur-sayuran, cendawan, daging rusa, kambing dan lembu serta susu segar yang dihasilkan di UPM akan dijual.

Beliau berkata, semua benih buah-buahan yang dijual UPM mendapat pensijilan Skim Pengesahan Bahan Tanaman yang memperakukan ketulenan baka, kualiti serta memenuhi standard yang ditetapkan Jabatan Pertanian.